

20 JAN 1996

Rahim-Perjumpaan

RAHIM ADAKAN PERJUMPAAN KHAS PEMUDA UMNO ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 20 Jan (Bernama) -- Bekas Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, dijadual mengadakan perjumpaan khas dengan anggota Exco Pergerakan itu di sini Isnin ini sebelum mengumumkan keputusannya sama ada menerima atau menolak jawatan ketua pergerakan itu.

Perjumpaan itu ekoran keputusan Majlis Tertinggi UMNO Selasa lepas bahawa Rahim berhak kembali memegang jawatan itu.

Pejabat Pergerakan Pemuda UMNO itu yang dihubungi hari ini mengesahkan perjumpaan itu yang akan diadakan di pejabat itu di sini pada sebelah pagi dan Abdul Rahim dijadual membuat pengumumannya selepas itu.

Petang semalam, Abdul Rahim telah mengadakan pertemuan singkat dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediamannya di Sri Perdana.

Dia juga telah mengadakan pertemuan dengan Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Nazri Abdul Aziz.

Menurut sumber pergerakan itu, perjumpaan khas itu untuk membolehkan Abdul Rahim mengadakan perbincangan "hati ke hati" dengan anggota Exco pergerakan itu dan mengeratkan kembali hubungan antara mereka.

"Tan Sri Abdul Rahim telah meninggalkan buat sementara pucuk pimpinan pergerakan itu lebih setahun. Dalam tempoh itu sudah tentu berlaku pelbagai perubahan dan Tan Sri Abdul Rahim pasti mahu tahu perkembangan yang berlaku dalam pergerakan itu," katanya. -- BERNAMA